

Newspaper	Berita Harian
Date	17/5/2011

Sebagai tindakan terbaik, cara untuk maju ke hadapan - PM

Berpegang pada kesederhanaan

**Zin
Mahmud**

Melaporkan
dari London



OXFORD 16 Mei - Datuk Sen Najib Tun Razak mengajak dunia Barat dan Islam supaya melakukan tindakan bersama untuk mewujudkan masa depan yang penuh dengan keadilan, kebebasan, harapan, belas ihsan dan muhibah bagi generasi akan datang.

Jika tidak, kata Perdana Menteri, masa depan akan dipenuhi dengan ketidakadilan, kezaliman, putus harapan, kezaliman dan kebencian.

"Ini kerana pembahagian sebenar adalah bukan antara Timur dan Barat atau antara dunia maju dan membangun, atau malah antara orang Islam dengan bukan Islam.

"Ia adalah antara golongan sederhana dan ekstremis dari semua agama. Bersama, marilah kita berpegang pada kesederhanaan sebagai tindakan terbaik dan cara untuk maju ke hadapan," katanya dalam syarahan bertajuk Gabungan Golongan Sederhana dan Kefahaman Antara Tamadun di Sheldonian Theatre di Universiti Oxford di sini.

Najib berkata, kesederhanaan bukanlah konsep asing bagi manusia.

"Ia juga bukanlah bersifat teori. Ia adalah prinsip hidup nyata yang diambil daripada tingkah laku Rasulullah SAW selepas bertahun baginda ditekan, diganggu dan ditindas oleh kaum Quraisy, baginda memerintah di Mekah dengan penuh wibawa, kemaafan dan kasih sayang," katanya.

Perdana Menteri juga menyebut tokoh-tokoh besar bukan Islam yang



NAJIB Tun Razak bersama Rosmah Mansor (kiri) bersalaman dengan para pegawai Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di London, semalam. - BERNAMA

mengamalkan kesederhanaan antaranya Nelson Mandela, Mahatma Gandhi dan Martin Luther King Jr.

"Dalam hal United Kingdom, kenang kembali detik-detik gelap di Ireland Utara menjelang Persetujuan Good Friday di mana ekstremis kedua-dua belah pihak yang berlainan mazhab yang cuba menarik balik negara itu ke dalam kancang keganasan tetapi dengan gabungan golongan sederhana dari kalangan nasionalis dan loyalis yang bangkit

bersatu untuk menyatakan tidak," kata beliau.

Syarahan ini dianjurkan oleh Pusat Pengajian Islam Oxford (OXCIS) dihadiri kira-kira 600 ahli akademik, ahli politik dan ahli perniagaan. Perdana Menteri adalah dalam rangka lawatan kerja dua hari ke Britain.

Najib mengingatkan, bagaimana di persidangan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang lalu, beliau menyeru kepada satu Ge-

rakan Sejagat bagi Golongan Sederhana yang menyaksikan kerajaan, intelektual, ulama dan pemimpin niaga di seluruh pelusok dunia mengambil pendirian yang bersatu.

"Ini kerana dengan semangat Wasatiah atau kesederhanaan dan keseimbangan yang mesti diterapkan di seluruh dunia," jelasnya.

Beliau selanjutnya mencadangkan supaya gagasan kesederhanaan atau Wasatiah dijadikan kaedah bukan saja untuk menyelesaikan

masalah ekstremisme tetapi juga krisis ekonomi global.

"Jika sikap saya ini idealistik ter-sohor ia sebenarnya realistik. Ramai ilmuwan Islam memberi perhatian bagaimana Islam dengan pandangan dunia agama, budaya, politik, etika dan ekonominya dapat membantu menyelesaikan sebahagian cabaran besar hari ini.

"Inilah persoalan yang menarik minat saya, bagaimanakah kesederhanaan dapat menyelesaikan masalah ekstremisme tetapi juga, dalam cara yang tidak terduga, dapat membantu kita menghadapi krisis ekonomi global.

"Adalah bukan suatu yang kebetulan di mana institusi-institusi yang bergerak menggunakan prinsip Islam dapat melalui krisis ekonomi yang terburuk. Kewangan Islam meletakkan kemaslahatan awam mengatasi keuntungan peribadi. Dan perlu ditarik perhatian bagaimana bank Islam tidak akan membenarkan seseorang berbelanja atau memberi pinjaman begitu banyak wang tanpa benar-benar mereka memilikinya," ujar beliau.

Menurut Najib, dunia Islam telah menampilkan diri sebagai kekuatan ekonomi.

"Malaysia adalah pemimpin dunia dalam bidang kewangan Islam. Malaysia juga adalah pemimpin dunia dalam menjadi pengeluar sukuk atau bon Islam dengan 60 peratus daripadanya datang dari Malaysia.

"Dalam hal ini, saya percaya kita perlu melihat secara mendalam bagaimana struktur kewangan Islam boleh membantu arkitektur ekonomi global yang sedang muncul. Hakikatnya, untuk menggantikan salah laku, kewangan Islam menawarkan kesederhanaan dan ketelusan. Bagi menggantikan ketamakan, kewangan Islam menawarkan keadilan," tegasnya. -UTUSAN